Koperasi Pekebun Kecil Negeri Sembilan Bhd lwn Agro Capital Management Bhd dan lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — GUAMAN NO BA-22NCC-104–08 TAHUN 2022
ROZI BAINON PK
20 JANUARI 2024

Tort — Penipuan — Konspirasi — Plaintif memfailkan tuntuan terhadap defendan-defendan berkenaan dengan skim pelaburan — Defendan-defendan gagal membayar keseluruhan pelaburan, keseluruhan bayaran dividen/unjuran pulangan yang tertunggak dan pampasan — Sama ada tindakan kausa plaintif berkenaan kemungkiran/pembatalan kontrak — Sama ada terdapat representasi palsu/konspirasi penipuan/frod oleh defendan terhadap plaintif — Sama ada pembelaan defendan wajar ditolak

Plaintif ialah sebuah koperasi yang ditubuhkan di bawah Akta Koperasi 1993 manakala defendan pertama ialah sebuah syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 (Akta Syarikat 2016). Kedua-dua defendan kedua dan ketiga ialah pengarah syarikat dalam defendan pertama. Pada sekitar bulan April 2018, berdasarkan representasi oleh defendan pertama dan kedua, plaintif telah bersetuju untuk membuat pelaburan modal mengikut konsep pelaburan patuh shariah menggunakan instrument sukuk. Plaintif melabur sebanyak RM5 juta dalam syarikat defendan pertama untuk tempoh 36 bulan dengan kadar pulangan keuntungan sebanyak 15% setahun. Setakat pemfailan guaman ini, plaintif hanya dibayar sebanyak RM1,937,500 sahaja dan baki pulangan dividen tertunggak ialah sebanyak RM312,500. Kegagalan, pengabaian dan/atau kecuaian untuk membayar keseluruhan pelaburan sebanyak RM5 juta, keseluruhan bayaran dividen/unjuran pulangan yang tertunggak dan pampasan, maka plaintif memfailkan writ saman dan pernyataan tuntutan terhadap defendan-defendan. Pembelaan defendan-defendan adalah, antara lain, bahawa plaintif melabur dengan dan wang pelaburan diberikan kepada Agro Capital Management Corp ('ACMC') dan Agro Capital Advisory Pte Ltd dan bukannya dengan defendan pertama. Maka, defendan-defendan memohon agar segala tuntutan plaintif ditolak dengan kos dan plaintif tidak berhak untuk mendapatkan apa-apa ganti rugi akibat kemungkiran kontrak.

Diputuskan, membenarkan tuntutan plaintif:

(1) Tindakan undang-undang plaintif terhadap defendan-defendan ialah mengenai representasi palsu/konspirasi penipuan/frod yang dilakukan oleh defendan-defendan bagi pelaburan sebanyak RM5 juta. Plaintif

tidak pernah membuat tuntutan terhadap defendan-defendan berasaskan apa-apa kausa tindakan pelanggaran kontrak. Kewujudan pelaburan dan pembayaran pelaburan sebanyak RM5 juta oleh plaintif adalah tidak diragui kerana: (a) wang pelaburan plaintif sebanyak RM5 juta kemudiannya dimasukkan kepada dan/atau diterima defendan pertama untuk menjalankan projek perternakan dan pengkomersilan udang laut; dan (b) dalihan defendan-defendan dalam pembelaan adalah suatu penafian liabiliti (lihat perenggan 21, 34 & 40).

(2) Isu kesahan penerbitan bukan menjadi inti pati dalam tuntutan sebenar oleh plaintif terhadap defendan-defendan. Transaksi dan skim pelaburan melalui terbitan sukuk oleh ACMC ini adalah ditujukan kepada bakal pelabur yang berpotensi iaitu plaintif yang merupakan sebuah koperasi yang pada hakikatnya telah menyalurkan pelaburan kepada defendan pertama yang berada di Malaysia demi 'menjana pendapatan' melalui projek ternakan udang. Jumlah pelaburan yang besar khususnya buat pelabur (plaintif) yang sekadar sebuah koperasi dan bukan seperti 1MDB tidak boleh dinafikan hak plaintif untuk memperoleh semula wang pelaburannya yang mana telah digunakan oleh ACMC untuk manfaat defendan pertama (lihat perenggan 52–54).

(3) Pembelaan, dalihan dan hujahan defendan-defendan untuk melepaskan diri mereka daripada bertanggungjawab ke atas tuntutan plaintif mengenai pemulangan wang pelaburan sebanyak RM5 juta dan tunggakan dividen atas alasan plaintif sebagai sebuah koperasi telah melakukan 'kesalahan' di bawah undang-undang koperasi kerana membuat pelaburan adalah ditolak. Tiada apa-apa bukti dikemukakan oleh defendan-defendan bahawa ahli-ahli koperasi plaintif mengambil tindakan undang-undang terhadap plaintif berkenaan dengan pelaburan dalam skim sukuk ini. Tindakan undang-undang ini diambil untuk mendapatkan semula wang pelaburan dan tunggakan dividen yang perlu untuk manfaat ahli-ahli koperasi plaintif. Seterusnya, ketiadaan salahnyataan mengenai pelaburan yang dicadangkan oleh defendan-defendan kepada plaintif tidak boleh sama sekali menafikan hak plaintif bagi relief yang dituntutnya. Defendan-defendan berjaya menarik pelaburan melalui representasi pegawai-pegawai defendan-defendan, maka untuk menafikan hak plaintif dalam memperoleh apa jua jaminan yang termeterai dalam perjanjian adalah menjadi beban pembuktian kepada defendan-defendan. Dakwaan dan/atau penafian defendan-defendan adalah tidak benar dan adalah jelas bercanggah dengan beberapa keterangan kontemporari yang menunjukkan bayaran wang pelaburan dibuat di Malaysia dan diterima defendan pertama (lihat perenggan 60–61, 63, 65 & 67).

(4) Terdapat hubungan antara plaintif dan defendan pertama yang menjalin kepada tugas berhati-hati terhadap plaintif dalam mengendalikan wang

pelaburan plaintif, menjalankan projek ternakan udang melalui wang pelaburan plaintif. Selain itu, terdapat jaminan mengenai pembayaran semula wang pelaburan dan dividen kepada plaintif. Surat jaminan yang dikeluarkan oleh defendan pertama dan ditandatangani defendan kedua jelas menunjukkan defendan pertama memberikan jaminan dan komitmen kepada plaintif bahawa wang pelaburan pokok sebanyak RM5 juta akan dibayar dan dikembalikan selepas cukup tempoh matang tiga tahun. Selanjutnya, terdapat perjanjian penyelesaian antara plaintif dan defendan pertama di mana defendan pertama bersetuju membayar balik wang pokok pelaburan sebanyak RM5 juta kepada plaintif. Defendan pertama telah mengakui liabiliti untuk membayar balik wang pelaburan RM5 juta kepada plaintif. Penyelesaian berkenaan dengan persetujuan ini adalah mengikat defendan pertama (lihat perenggan 72–73).

[English summary

The plaintiff was a cooperative established under the Co-operative Societies Act 1993 while the first defendant was a company established under the Companies Act 1965 (Companies Act 2016). Both the second and third defendants were directors of the first defendant. Around April 2018, based on the representation by the first and second defendants, the plaintiff had agreed to make a capital investment according to the shariah-compliant investment concept using sukuk instrument. The plaintiff invested RM5m in the first defendant company for a period of 36 months with a profit return rate of 15%pa. As of the filing of this lawsuit, the plaintiff had only been paid RM1,937,500 and the remaining arrears of dividend return was RM312,500. Failure, omission and/or negligence to pay the entire investment of RM5m, the entire arrears of dividend payment/projected return and compensation, the plaintiff filed a writ of summons and statement of claim against the defendants. The defence of the defendants was, inter alia, that the plaintiff invested with and the investment money was given to Agro Capital Management Corp ('ACMC') and Agro Capital Advisory Pte Ltd and not with the first defendant. Therefore, the defendants requested that all the plaintiff's claims be dismissed with costs and that the plaintiff was not entitled to any damages due to breach of contract.

Held, allowing the plaintiff's claim:

(1) The plaintiff's legal action against the defendants was about false representation/fraudulent conspiracy/fraud committed by the defendants for an investment of RM5m. The plaintiff had never made a claim against the defendants based on any cause of action for breach of contract. The existence of investment and investment payment of RM5m by the plaintiff was not in doubt because: (a) the plaintiff's investment money of RM5m was then transferred to and/or received by

A the first defendant to carry out the marine shrimp farming and commercialisation project; and (b) the defendants' excuses in defence was a denial of liability (see paras 21, 34 & 40).

(2) The issue of the validity of the publication was not the essence of the
B actual claim by the plaintiff against the defendants. This transaction and investment scheme through the issuance of sukuk by ACMC was aimed at potential investors, namely the plaintiff who was a cooperative which in fact had channeled investment to the first defendant who was in Malaysia in order to 'generate income' through a shrimp farming project.
C The large amount of investment especially for the investor (plaintiff) who was just a cooperative and not like 1MDB could not deny the plaintiff's right to recover its investment money which had been used by ACMC for the benefit of the first defendant (see paras 52–54).

D (3) The defendants' defences, excuses and arguments to absolve themselves from being responsible for the plaintiff's claim regarding the return of investment money amounting to RM5m and arrears of dividends on the grounds that the plaintiff as a cooperative had committed an 'offence' under the cooperative law for making investment was rejected. There was
E no evidence presented by the defendants that the members of the plaintiff cooperative took legal action against the plaintiff regarding the investment in this sukuk scheme. This legal action was taken to recover investment money and arrears of dividend necessary for the benefit of the plaintiff cooperative members. Next, the absence of misrepresentation
F regarding the investment proposed by the defendants to the plaintiff could not at all deny the plaintiff's right to the relief claimed. The defendants managed to attract investment through the representation of the defendants' officers, so to deny the plaintiff's right to obtain any guarantee sealed in the agreement was the burden of proof for the
G defendants. The allegations and/or denials of the defendants were untrue and were clearly contradicted by some contemporaneous documents which showed that the payment of investment money was made in Malaysia and received by the first defendant (see paras 60–61, 63, 65 & 67).

H (4) There was a relationship between the plaintiff and the first defendant that established a duty of care towards the plaintiff in handling the plaintiff's investment money, carrying out the shrimp farming project through the plaintiff's investment money. In addition, there was a guarantee of repayment of investment money and dividends to the plaintiff. The letter
I of guarantee issued by the first defendant and signed by the second defendant clearly showed that the first defendant gave a guarantee and commitment to the plaintiff that the principal investment amounting to RM5m would be paid and returned after the maturity period of three years. Further, there was a settlement agreement between the plaintiff and

the first defendant where the first defendant agreed to repay the investment principal of RM5m to the plaintiff. The first defendant had admitted the liability to repay the investment money of RM5m to the plaintiff. The settlement in respect of this agreement was binding on the first defendant (see paras 72–73).]

Kes-kes yang dirujuk

Bonham-Carter v Hyde Park Hotel Ltd [1948] 64 TLR 177, KBD (dirujuk)
Genneva Malaysia Sdn Bhd v Tio Jit Hong & Ors [2020] 6 MLJ 703; [2020] 4 CLJ 449, MR (dirujuk)
Keruntum Sdn Bhd v The Director of Forests & Ors [2017] 3 MLJ 281; [2017] 4 CLJ 676, MP (dirujuk)
MIE-AFA Corporation Sdn Bhd v Razali bin Mohd Sham & Anor and another suit [2020] MLJU 1578; [2023] 1 LNS 1267, MT (dirujuk)
Sinnaiyah & Sons Sdn Bhd v Damai Setia Sdn Bhd [2015] 5 MLJ 1; [2015] 7 CLJ 584, MP (dirujuk)
Suruhanjaya Sekuriti Malaysia v Chan Soon Huat [2018] 9 MLJ 782, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Koperasi 1993 s 54
Akta Syarikat 1965 (dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016)
Akta Syarikat 2016
Akta Keterangan 1950 s 101

Muhammad Shafiq bin Samsul Anuar (Azri & Co) bagi pihak plaintif.
Esther Yong Zhen Ying (LY Yu & Co) bagi pihak defendan.

Rozi Bainon PK:

PENGENALAN

[1] Plaintif memfailkan writ saman dan pernyataan tuntutan terhadap defendan-defendan berkenaan dengan skim pelaburan di mana plaintif menuntut defendan-defendan secara bersesama dan berasingan membayar kepada plaintif wang pelaburan berjumlah RM5 juta; jumlah baki dividen penuh sebanyak RM312,500; ganti rugi am untuk ditaksirkan oleh mahkamah; caj bayaran lewat pada kadar 5% setahun ke atas jumlah RM5,312,500 dikira dari 16 Mei 2022 sehingga tarikh penyelesaian penuh; dan kos bagi tindakan ini.

[2] Perbicaraan penuh telah diadakan di mahkamah ini pada 28 August 2023 dan 29 August 2023 di mana plaintif memanggil tiga orang saksinya dan defendan memanggil dua orang saksinya.

[3] Pada 25 October 2023, mahkamah ini membenarkan tuntutan plaintif dan memutuskan seperti yang berikut:

KEPUTUSAN SELEPAS BICARA PENUH

[1] Tindakan undang-undang plaintif terhadap defendan-defendan ialah mengenai representasi palsu/konspirasi penipuan/frod yang dilakukan oleh defendan-defendan bagi pelaburan sebanyak RM5 juta.

[2] Skim Pelaburan yang di antara plaintif dan defendan-defendan ialah melalui penerbitan sukuk.

[3] Tempoh Sukuk bermula 18 Mei 2018 hingga 15 Mei 2021.

[4] Perenggan 25 pernyataan tuntutan memplidkan bahawa plaintif hanya diberikan dividen berjumlah RM1,937,500 sahaja. Baki dividen tertunggak yang dikira dari November 2020 sehingga November 2021 ialah sebanyak RM312,500.

[5] Perenggan 27 pernyataan tuntutan memplidkan bahawa dividen tertunggak dibayar sebagaimana kaedah disebut dalam jadual.

[6] Berdasarkan keterangan di hadapan Mahkamah ini, atas imbangan kebarangkalian, plaintif berjaya membuktikan tuntutannya terhadap defendan-defendan dan dengan itu Mahkamah ini memutuskan untuk membenarkan tuntutan plaintif. Selanjutnya adalah diperintahkan defendan-defendan secara bersesama membayar plaintif —

(a) wang pelaburan berjumlah RM5 juta.

(b) baki dividen sebanyak RM312,500.

(c) *delay in the projected returns/dividend payment 4%pa payable on a pro-rate basis* dari November 2021 hingga tarikh penyelesaian penuh.

(d) kos sebanyak RM10,000.

[4] Defendan-defendan tidak berpuas hati dan terkilan dengan keputusan mahkamah merayu ke Mahkamah Rayuan.

PLIDING

[5] Dalam tuntutannya, plaintif menyatakan bahawa plaintif ialah sebuah koperasi yang ditubuhkan di bawah Akta Koperasi 1993 dan mempunyai alamat berdaftarnya di Medan Perniagaan Senawang Jaya, Senawang, Negeri Sembilan.

Manakala defendan pertama ialah sebuah syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 (Akta Syarikat 2016) yang mempunyai alamat berdaftarnya di Petaling Jaya dan alamat perniagaannya di Pekan, Pahang.

Defendan kedua ialah seorang bukan warganegara yang menetap di Petaling Jaya dan ialah salah seorang daripada pengarah syarikat dalam defendan pertama.

Defendan ketiga ialah warganegara Malaysia yang menetap di Datok Keramat, Kuala Lumpur dan ialah salah seorang daripada pengarah syarikat dalam defendan pertama.

Skim pelaburan

[6] Pada sekitar bulan April 2018, berdasarkan representasi oleh defendan pertama dan defendan kedua, plaintif telah bersetuju untuk membuat pelaburan modal mengikut konsep pelaburan patuh Shariah menggunakan instrument sukuk.

[7] Plaintif memplidkan bahawa representasi yang diberikan oleh defendan pertama dan defendan kedua ialah:

(a) pelaburan tersebut dijanjikan akan mendatangkan pulangan dividen yang lumayan;

(b) sijil sukuk akan dikeluarkan kepada plaintif;

(c) pelaburan tersebut akan disalurkan untuk tujuan kolam ternakan udang laut (*marine shrimp*) yang dikomersialkan serta akan diuruskan oleh pihak defendan pertama selaku *farm operator* (selepas ini disebut sebagai 'projek tersebut').

(d) dokumen yang diberikan dan ditunjukkan oleh defendan pertama kepada plaintif ialah salinan profil syarikat defendan pertama mengenai kepakaran dan pengalaman defendan pertama dalam pembangunan projek akuakultur di Malaysia dan ternakan udang yang diusahakan oleh defendan pertama yang mendapat pensijilan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia dan defendan pertama ialah ahli berdaftar dengan Jabatan Perikanan Malaysia. Selain itu, defendan pertama juga menunjukkan salinan keratan akhbar mengenai lapran media berkaitan dengan kejayaan defendan pertama dalam projek akuakultur.

[8] Berlandaskan penelitian plaintif kepada representasi dan dokumen oleh defendan pertama, maka selepas melalui mesyuarat Ahli Lembaga Koperasi ('ALK') bertarikh 18 April 2018, plaintif melabur sebanyak RM5 juta dalam syarikat defendan pertama untuk tempoh 36 bulan dengan kadar pulangan keuntungan sebanyak 15% setahun.

Tarikh cek plaintif bagi pelaburan itu ialah 14 Mei 2018. Defendan pertama telah mengeluarkan resit rasmi bertarikh 18 Jun 2018 kepada plaintif sebagai bukti pembayaran.

[9] Berdasarkan perjanjian bertulis yang dimasuki, plaintif menyatakan bahawa:

(a) Agro Capital Management Corp (No Syarikat: E0543862013-7) yang beralamat di New York sebagai penerbit sukuk;

(b) Agro Capital Advisory Pte Ltd (No Pendaftaran: 201735663-C) yang beralamat di Singapura sebagai pengurus dan/atau wakil kepada pengurus sukuk;

(c) tarikh perjanjian ialah pada 10 Mei 2018 dan tarikh penerbitan sukuk ialah bermula 15 Mei 2018 sehingga 15 Mei 2021; and

(d) komunikasi di antara pihak-pihak adalah di antara plaintif dan defendan pertama dan tanpa apa-apa penglibatan Agro Capital Management Corp dan Agro Capital Advisory Pte Ltd.

Dividen/unjuran pulangan (projected return)

[10] Plaintif memplidkan bahawa jadual pembayaran dividen/unjuran pulangan (*projected return*) adalah sebanyak RM62,500 sebulan bermula 15 Jun 2018 (iaitu sebulan selepas tarikh penerbitan sukuk) sehingga 15 Mei 2021 (tarikh tamat sukuk) di mana jumlah keseluruhan pembayaran dividen/unjuran pulangan (*projected return*) ialah sebanyak RM2,250,000.

[11] Plaintif memplidkan bahawa setakat pemfailan guaman ini, plaintif hanya dibayar sebanyak RM1,937,500 sahaja dan baki pulangan dividen tertunggak ialah sebanyak RM312,500 (iaitu dari bulan November 2020 sehingga November 2021).

[12] Berdasarkan surat defendan pertama bertarikh 23 Mac 2021 kepada plaintif, defendan pertama menyatakan bahawa kelewatan bayaran dividen ialah kerana wabak Covid-19 dan bayaran dividen/unjuran pulangan (*projected return*) akan diteruskan seperti biasa dan tunggakan bayaran dividen/unjuran pulangan (*projected return*) adalah dibayar mengikut jadual berikut:

(a) 30 April 2021: 35% dari keseluruhan bayaran dividen/unjuran pulangan (*projected return*) yang tertunggak;

(b) 31 Mei 2021: 35% dari keseluruhan bayaran dividen/unjuran pulangan (*projected return*) yang tertunggak; dan

(c) 30 June 2021: 30% dari keseluruhan bayaran dividen/unjuran pulangan (*projected return*) yang tertunggak.

Dan berdasarkan surat defendan pertama bertarikh 23 Mac 2021 itu juga, defendan pertama menyatakan bahawa akibat kelewatan pembayaran dividen/unjuran pulangan (*projected return*), plaintif boleh menjangkakan pampasan sebanyak 4% setahun sebagai tambahan yang dibayar mengikut asas pro-rata.

[13] Kegagalan, pengabaian dan/atau kecuaian untuk membayar keseluruhan pelaburan sebanyak RM5 juta, keseluruhan bayaran dividen/unjuran pulangan (*projected return*) yang tertunggak dan pampasan, maka plaintif mengambil tindakan undang-undang terhadap defendan-defendan.

Tindakan defendan-defendan

[14] Plaintif memplidkan bahawa akibat daripada representasi palsu/konspirasi penipuan/frod dan kecuaian defendan-defendan yang mana setiap butir-butir tindakan diperihalkan dalam perenggan 30 dan 31 pernyataan tuntutan maka plaintif anggota-anggota plaintif telah diprejudiskan dengan teruk dan mengalami kerugian dari segi masa, wang, tenaga serta modal perniagaan akibat kegagalan defendan-defendan melunaskan tanggungjawab mereka di bawah perjanjian tersebut.

Relief yang dipohon oleh plaintif

[15] Plaintif memohon perintah mahkamah yang berikut:

(a) deklarasi bahawa skim pelaburan di bawah Sijil Sukuk SF No SUKUK29–002 diisytiharkan telah tamat dan matang pada 15 Mei 2021.

(b) defendan-defendan secara bersesama dan berasingan membayar kepada plaintif jumlah sebanyak RM5 juta yang dilaburkan; jumlah baki dividen penuh sebanyak RM312,500; ganti rugi am untuk ditaksirkan oleh mahkamah; caj bayaran lewat pada kadar 5% setahun di atas jumlah RM5,312,500 fikira dari 16 Mei 2021 sehingga ke tarikh penyelesaian penuh.

(c) kos bagi tindakan ini.

PEMBELAAN

[16] Defendan-defendan memplidkan yang berikut:

(a) defendan pertama dan defendan kedua merupakan pengarah, pegawai dan/atau pekerja di Agro Capital Management Bhd (defendan pertama). Oleh itu, apa-apa pernyataan yang diberikan dan/atau

tindakan diambil oleh defendan kedua dan/atau defendan ketiga adalah atas kapasiti melaksanakan tanggungjawab oleh defendan kedua dan/atau defendan ketiga sebagai pengarah, pegawai dan/atau pekerja di defendan pertama dan bukannya dalam keupayaan individu defendan kedua dan defendan ketiga. Oleh itu, defendan kedua dan defendan ketiga tidak patut disaman sebagai defendan-defendan dalam tindakan ini;

(b) defendan-defendan tidak pernah membuat apa-apa pernyataan yang tidak tepat kepada plaintif;

(c) defendan-defendan tiada pengetahuan mengenai perjanjian sukuk tersebut; tidak pernah menyediakan, memberi dan/atau meminta plaintif untuk menandatangani perjanjian sukuk tersebut;

(d) defendan pertama dalam perniagaan pertanian dan tidak terlibat dalam apa-apa pelaburan yang salah di sisi undang-undang;

(e) defendan-defendan bukan salah satu pihak dalam perjanjian sukuk tersebut yang plaintif masuki secara sukarela; dan

(f) defendan-defendan tidak pernah memberi apa-apa jaminan, komitmen, akujanji dan/atau indemniti berkenaan dengan pelaburan dan pulangan pelaburan kepada plaintif.

[17] Selanjutnya, defendan-defendan menyatakan:

(a) Agro Capital Management Corp yang beralamat di New York adalah pemegang saham defendan pertama dan penerbit sukuk serta menjadi salah satu pihak yang menandatangani perjanjian langganan bertarikh 10 Mei 2022;

(b) Agro Capital Advisory Pte Ltd yang beralamat di Singapura merupakan salah satu pihak yang menandatangani perjanjian langganan bertarikh 10 Mei 2022;

(c) defendan pertama (Agro Capital Management Bhd) tidak pernah menandatangani perjanjian langganan bertarikh 10 Mei 2022;

(d) Agro Capital Management Corp, Agro Capital Advisory Pte Ltd dan Agro Capital Management Bhd (defendan pertama) ialah entiti yang berbeza di sisi undang-undang;

(e) pada masa memasuki perjanjian langganan bertarikh 10 Mei 2022, plaintif mengetahui mengenai perhubungan Agro Capital Management Corp, Agro Capital Advisory Pte Ltd dan Agro Capital Management Bhd (defendan pertama); and

(f) perjanjian langganan bertarikh 10 Mei 2022 ditandatangani oleh plaintif dengan Agro Capital Management Corp, Agro Capital Advisory Pte Ltd.

[18] Berdasarkan fakta yang dinyatakan, defendan-defendan membela dirinya dengan menyatakan bahawa plaintif melabur dengan dan wang pelaburan diberikan kepada Agro Capital Management Corp dan Agro Capital Advisory Pte Ltd dan bukannya dengan defendan pertama (Agro Capital Management Bhd). Resit rasmi dikeluarkan oleh Agro Capital Management Corp dan/atau Agro Capital Advisory Pte Ltd.

[19] Defendan pertama tidak pernah mengeluarkan apa-apa resit, tidak pernah memberikan apa-apa representasi yang tidak tepat dan tidak pernah membayar apa-apa dividen kepada plaintif.

[20] Maka, dengan kedudukan fakta bahawa kemungkiran kontrak dibuat oleh pihak ketiga (Agro Capital Management Corp dan/atau Agro Capital Advisory Pte Ltd), defendan-defendan memohon agar segala tuntutan plaintif ditolak dengan kos dan plaintif tidak berhak untuk mendapatkan apa-apa ganti rugi akibat kemungkiran kontrak.

KEPUTUSAN

[21] Pada 25 October 2023, mahkamah ini memutuskan:

KEPUTUSAN SELEPAS BICARA PENUH

[1] Tindakan undang-undang plaintif terhadap defendan-defendan ialah mengenai representasi palsu/konspirasi penipuan/frod yang dilakukan oleh defendan-defendan bagi pelaburan sebanyak RM5 juta.

[2] Skim Pelaburan yang di antara plaintif dan defendan-defendan ialah melalui penerbitan sukuk.

[3] Tempoh sukuk bermula 18 Mei 2018 hingga 15 Mei 2021.

[4] Perenggan 25 pernyataan tuntutan memplidkan bahawa plaintif hanya diberikan dividen berjumlah RM1,937,500 sahaja. Baki dividen tertunggak yang dikira dari November 2020 sehingga November 2021 ialah sebanyak RM312,500.

[5] Perenggan 27 pernyataan tuntutan memplidkan bahawa dividen tertunggak dibayar sebagaimana kaedah disebut dalam jadual.

[6] Berdasarkan keterangan di hadapan mahkamah ini, atas imbangan kebarangkalian, *plaintif berjaya membuktikan tuntutannya terhadap defendan-defendan dan dengan itu Mahkamah ini memutuskan untuk membenarkan tuntutan plaintif. Selanjutnya adalah diperintahkan defendan-defendan secara bersesama membayar plaintif:*

A (a) *wang pelaburan berjumlah RM5 juta*;

(b) *baki dividen sebanyak RM312,500*;

(c) *delay in the projected returns/dividend payment 4% pa payable on a pro-rate basis dari November 2021 hingga tarikh penyelesaian penuh*;

B (d) *kos sebanyak RM10,000.*

[22] Defendan-defendan merayu ke Mahkamah Rayuan.

C DAPATAN DAN KEPUTUSAN MAHKAMAH INI

Isu-isu untuk dibicarakan:

[23] Peguam cara plaintif telah memfailkan senarai isu untuk dibicarakan di D mana terdapat sepuluh isu iaitu:

(a) sama ada defendan-defendan secara bersesama dan/atau berasingan telah bertindak cuai terhadap plaintif berhubung urusan melibatkan skim pelaburan di bawah Sijil Sukuk?

E (b) sama ada defendan pertama, Agro Capital Management Corp, Agro Capital Advisory Pte Ltd dan defendan kedua adalah kumpulan yang sama atau secara alternatif, dikepalai oleh defendan kedua?

(c) sama ada defendan kedua adalah pihak yang telah mencatur kesemua F perihal projek dan pelaburan yang melibatkan defendan pertama, Agro Capital Management Corp, dan Agro Capital Advisory Pte Ltd?

(d) sama ada defendan-defendan secara bersesama dan/atau berasingan telah bertindak melakukan konspirasi penipuan atau frod yang mengakibatkan kerugian kepada plaintif?

G

(e) sama ada defendan-defendan telah membuat representasi-representasi palsu dan telah memperdayakan plaintif memasuki perjanjian dengan pihak Agro Capital Management Corp dan/atau Agro Capital Advisory Pte Ltd yang tidak berdaftar di Malaysia sedangkan semua urusan H bayaran wang pelaburan, bayaran dividen, bayaran zakat dan surat-menyurat adalah pada hakikatnya melibatkan plaintif dan defendan pertama manakala projek yang dijalankan juga adalah di Malaysia?

I (f) sama ada defendan-defendan, telah melakukan representasi palsu kepada plaintif berkenaan tempoh matang pelaburan di mana tempoh 36 bulan telah tamat pada 15 Mei 2021 sedangkan modal pelaburan sebanyak RM5 juta masih belum dipulangkan kepada plaintif sehingga kini?

(g) sama ada defendan pertama pernah membayar dividen kepada plaintif dan bertanggungan membayar baki dividen kepada plaintif? A

(h) sama ada defendan-defendan adalah privy dalam perjanjian langganan yang dimasukki antara plaintif dan Agro Capital Management Corp dan/atau Agro Capital Advisory Pte Ltd? B

(i) sama ada tindakan kausa plaintif dalam tindakan ini adalah berkenaan dengan kemungkiran/pembatalan kontrak?

(j) sama ada defendan kedua dan defendan ketiga, sebagai pengarah-pengarah di defendan pertama, perlu bertanggungan sendiri (*personally liable*) terhadap tindakan defendan pertama? C

Perbicaraan

[24] Untuk membuktikan kesnya, plaintif telah memanggil tiga orang saksi iaitu: D

(a) Zainordin bin Bahari (SP1), berumur 73 tahun, menjadi bendahari plaintif dari bulan Jun 2011 hingga bulan Mei 2022;

(b) Nur Aizatullhuda bt Ahmad (SP2) berumur 42 tahun, mantan pegawai pemasaran defendan pertama dari bulan Mei 2017 hingga Januari 2021. Kini bekerja sebagai trader saham; dan E

(c) Mohamed Nor bin Hassan (SP3), berumur 48 tahun menjadi timbalan pengurus besar plaintif sejak tahun 2017 dan menjadi pengurus besar plaintif sejak tahun 2019 sehingga kini. F

[25] Defendan-defendan telah memanggil dua orang saksinya iaitu :

(a) Jamil bin Abu Bakar (SD1), berumur 69 tahun, pencen, salah seorang pengarah defendan pertama; dan G

(b) Michael Marcus Liew (SD2), berumur 44 tahun, warganegara Singapura, defendan kedua, pengarah defendan pertama, pengarah Agro Capital Management Corp dan pengarah Agro Capital Advisory Pte Ltd. H

DAPATAN, ANALISA DAN KEPUTUSAN MAHKAMAH

[26] Lord Goddard dalam kes *Bonham-Carter v Hyde Park Hotel Ltd* [1948] 64 TLR 177 di ms 178 memutuskan: I

> ... plaintiffs must understand that if they bring actions for damages it is for them to prove their damage; it is not enough to write down the particulars, so to speak, throw them at the head of the court, saying: 'This is what I have lost, I ask you to give me these damages'. They have to prove it.

[27] Mahkamah ini pasti prinsip bahawa 'The well-established principle that the burden of proof at all times is borne by the plaintiff on the balance of probabilities to establish his case against the defendant or the existence of a legally enforceable claim against the defendant. It is upon the plaintiff, and certainly not the defendant, to discharge that burden. It is for the plaintiff to prove his case and satisfy the court that his claim is well-founded before the court can grant judgment on his claim' adalah terpakai dalam memastikan beban pembuktian.

[28] Dalam kes *MIE-AFA Corporation Sdn Bhd v Razali bin Mohd Sham & Anor and another suit* [2020] MLJU 1578; [2023] 1 LNS 1267, the court explained that the burden of proof lies throughout with the party who wishes the court to belief the facts of their case; and the Federal Court in the case of *Keruntum Sdn Bhd v The Director of Forests & Ors* [2017] 3 MLJ 281 at p 305; [2017] 4 CLJ 676 at p 698 :

> [78] It is settled law that the burden of proof rests throughout the trial on the party on whom the burden lies. Where a party on whom the burden of proof lies, has discharged it, then the evidential burden shifts to the other party.

[29] Dalam kes *Sinnaiyah & Sons Sdn Bhd v Damai Setia Sdn Bhd* [2015] 5 MLJ 1; [2015] 7 CLJ 584 yang mana YAA Richard Malanjum, Ketua Hakim Negara memutuskan bahawa:

> *... there are only two standard of proof, namely beyond reasonable doubt for criminal cases and on the balance of probabilities for civil cases. As such, even if fraud is the subject in a civil claim, the standard of proof is on the balance of probabilities. There is no third standard ... The criminal aspect of the allegation of fraud and the standard of proof required is irrelevant in the deliberation ...*
>
> ... the standard of proof is only a balance of probability [NOT beyond reasonable doubt] and this burden has been discharged by the plaintiff during the trial vide witness testimonies [weight attached to testimony/evidence], documents [admissibility] filed in this Court, admissions by the defendant and facts pleaded in the Statement of Claim and Reply.

[30] Mahkamah ini mematuhi prinsip undang-undang mengenai beban pembuktian. Penganalisaan keterangan yang dinyatakan oleh plaintif melalui keterangan lisan dan keterangan dokumentarnya dengan jelas menunjukkan bahawa plaintif gagal mencapai tahap 'on balance of probabilities.

[31] Dalam kes *Suruhanjaya Sekuriti Malaysia v Chan Soon Huat* [2018] 9 MLJ 782, *the court summarised the definition and application of balance of probabilities as proving an event is AT LEAST 51% more likely than not*.

[32] Mahkamah ini berpendapat bahawa *the court not only to weigh such*

evidence on a balance of probabilities but it is also incumbent upon the court to look at all the surrounding factors and to weigh and evaluate contemporaneous documents that may tend to establish the truth or otherwise of a given fact. In the present case, I had to take into consideration the witnesses' power of observation, their accuracy for recollection, and capacity to explain what they remember.

[33] Dalam tuntutan ini, plaintif menuntut terhadap defendan-defendan untuk mengisytiharkan bahawa skim pelaburan via pelaburan sukuk yang dibuatnya adalah tamat dan matang pada 15 Mei 2021.

Maka dengan pengisytiharan itu, plaintif menuntut terhadap defendan-defendan pemulangan jumlah wang pelaburannya sebanyak RM5 juta, baki dividen tertunggak sebanyak RM312,500, ganti rugi am untuk ditaksirkan oleh mahkamah, caj bayaran lewat pada kadar 5% ke atas jumlah RM5,312,500 yang dikira dari 16 Mei 2022 sehingga tarikh penyelesaian penuh dan kos bagi tindakan.

[34] Mahkamah bersetuju dengan pengakuan plaintif bahawa plaintif tidak pernah membuat tuntutan terhadap defendan-defendan berasaskan apa-apa kausa tindakan pelanggaran kontrak. Adalah menjadi satu fakta yang tidak dipertikaikan bahawa tiada kontrak secara langsung dimeterai di antara plaintif dan defendan-defendan.

[35] Plaintif memplidkan bahawa beban pembuktian yang terletak ke atasnya ialah untuk membuktikan tuntutan bagi kes kecuaian, representasi palsu dan tort konspirasi penipuan.

[36] Fakta yang jelas mengenai tuntutan ini ialah di mana defendan pertama telah mendekati plaintif untuk melabur dalam skim pelaburan sukuk iaitu salah satu bentuk pelaburan dalam fiqah Islam di mana sijil-sijil kewangan dan/atau bon dikeluarkan kepada pelabur.

[37] Saksi plaintif kedua (SP2) iaitu Pn Nur Aziatullhuda bt Ahmad, yang pada masa material ialah bekas pegawai pemasaran di defendan pertama mengakui berdasarkan skop tugasnya, SP2 telah memperkenalkan defendan pertama kepada plaintif (pelabur yang berpotensi). SP2 ini dalam keterangannya mengakui terlibat dalam siri mesyuarat dengan wakil-wakil plaintif. SP2 menunjukkan profile syarikat (defendan pertama) berserta dokumen mengenai pencapaian defendan pertama dalam bidang akuakultur. SP2 telah mempelawa plaintif untuk melabur dalam defendan pertama. Selain SP2, SP2 menyatakan bahawa Puan Jeff Medina selaku pengarah operasi defendan pertama dan Puan Irene Ng selaku *Senior Vice President* defendan pertama juga terlibat dalam pertemuan dengan wakil-wakil plaintif.

[38] Bertitik tolak dari situ, plaintif bersetuju dan secara nyata telah melabur dengan defendan pertama iaitu bagi projek udang laut dan jumlah pelaburan plaintif ialah sebanyak RM5 juta.

[39] SP2 merujuk kepada dokumen berkenaan dengan jaminan bagi pelaburan plaintif iaitu surat jaminan pelaburan bertarikh 11 Mei 2018, perjanjian antara plaintif dan Agro Capital Management Corp di mana wang pelaburan sebanyak RM5 juta bersama dividen terakru di mana wang pelaburan tersebut telah dilabur melalui satu instrumen sukuk.

[40] Berkenaan dengan kewujudan pelaburan dan pembayaran pelaburan sebanyak RM5 juta oleh plaintif ini adalah tidak diragui. Ini kerana, mahkamah mendapati bahawa:

(a) wang pelaburan plaintif sebanyak RM5 juta tersebut kemudiannya dimasukkan kepada dan/atau diterima defendan pertama untuk menjalankan projek perternakan dan pengkomersilan udang laut (*marine shrimp*) di alamat ladang defendan pertama di PTP 7.1556 Sungai Miang, Mukim Pekan, Daerah Pekan, Pahang, Malaysia; dan

(b) dalihan defendan-defendan dalam Pembelaan adalah suatu penafian liabiliti di mana dakwaan bahawa defendan-defendan hanya terlibat dengan aktiviti pertanian sahaja dan tiada pengetahuan tentang pelaburan plaintif melalui skim sukuk yang dibuat antara plaintif dengan Agro Capital Management Corp yang berpengkalan di Amerika Syarikat; dakwaan bahawa defendan-defendan tidak privi kepada perjanjian sukuk antara plaintif dan Agro Capital Management Corp, yang disebut sebagai 'pihak ketiga'; dan dakwaan defendan-defendan bahawa defendan-defendan tidak pernah memberikan komitmen atau jaminan untuk membayar balik wang pelaburan plaintif.

Kelewatan membayar tunggakan dividen sebagai pulangan pelaburan plaintif

[41] SP2 dalam keterangannya menyatakan bahawa suatu surat defendan pertama bertarikh 23 Mac 2021 dengan jelas menunjukkan pengakuan bahawa terdapat kelewatan untuk membayar dividen kepada plaintif atas alasan impak wabak Covid-19 dan defendan pertama dengan jelas menyatakan bahawa bayaran dividen bagi jumlah yang tertunggak akan di buat sebanyak tiga kali iaitu pada 30 April 2021, 31 Mei 2021 dan 30 Jun 2021. Di samping itu juga, defendan pertama akan membayar pampasan pembayaran tambahan sebanyak 4% setahun yang dibayar mengikut asas pro-rata.

[42] SP2 juga mengetahui bahawa SP2 sendiri telah menjelaskan/menerangkan kepada plaintif bahawa pembayaran dividen oleh defendan pertama akan dibuat kepada plaintif pada setiap 1 haribulan dan 15 haribulan pada setiap bulan. A

[43] Sebelum mengakhiri keterangannya, SP2 menyatakan bahawa alasan pihak defendan untuk tidak membayar dividen/capital plaintif disebabkan oleh PKP adalah tidak munasabah. B

[44] Soalan-soalan yang ditanya kepada SP2 semasa pemeriksaan balas gagal menangkis keterangan bahawa plaintif adalah pelabur yang berhak kepada wang pelaburannya dan dividen bagi pelaburannya. C

[45] Pembelaan dan keterangan dua orang saksi defendan-defendan gagal sama sekali menangkis fakta dan keterangan yang telah dibuktikan plaintif semasa perbicaraan penuh. D

[46] Di dalam kes ini, adalah tidak dipertikaikan bahawa suatu perjanjian langganan (*subscription agreement*) bertarikh 10 Mei 2018 berkenaan dengan penerbitan sukuk telah dimeterai di antara plaintif dengan Agro Capital Management Corp/ACMC di Amerika Syarikat sebagai 'Sukuk Issuer'; dan Agro Capital Advisory Pte Ltd/ACAPL di Singapura sebagai 'Manager'. Struktur asas penerbitan sukuk wujud dan pelaburnya ialah plaintif dan ada balasan yang dibayar oleh plaintif iaitu wang sebanyak RM5 juta. E F

[47] Dalam First Schedule kepada *subscription agreement* (perjanjian langganan), plaintif sebagai pelabur (*investor*) melabur sejumlah wang sebanyak RM5 juta melalui sukuk yang diterbitkan oleh ACMC. Tiada bayaran dibuat di dalam matawang US Dollar walaupun ACMC sebagai penerbit sukuk adalah berpengkalan di Amerika Syarikat. G

[48] Pada Recitals B dan C *subscription agreement* tersebut menyatakan bahawa pihak-pihak bersetuju bahawa tujuan pelaburan adalah untuk digunakan melabur di dalam projek ternakan komersil udang laut (*marine shrimp*) oleh defendan pertama yang berada di Pekan, Pahang Darul Makmur. H

[49] Dalam Second Schedule kepada *subscription agreement*, defendan pertama ialah 'Farm Operator' yang dilantik oleh ACMC untuk menjalankan perusahaan ternakan komersil udang laut (*marine shrimp*) di PTP 7.1556, Sungai Miang, Mukim Pekan, Daerah Pekan, Negeri Pahang Darul Makmur. I

[50] Secara ringkasnya, carian plaintif mengenai defendan pertama, ACMC dan pihak-pihak yang terlibat dalam skim pelaburan menguruskan dana

plaintif untuk projek perternakan dan pengkomersilan udang laut (*marine shrimp*) adalah dinyatakan seperti yang berikut:

> Syarikat Defendan Pertama (Agro Capital Management Berhad) adalah anak syarikat iaitu 'wholly owned subsidiary' kepada Agro Capital Management Corporation/ACMC di Amerika Syarikat di mana 100% saham Defendan Pertama dimiliki oleh ACMC. [Lihat carian SSM di mukasurat 4 Ikatan B1] Syarikat Agro Capital Advisory Pte. Limited/ ACAPL di Singapura juga adalah anak syarikat 'wholly owned subsidiary' kepada ACMC di Amerika Syarikat.
>
> Malah, Defendan Kedua itu sendiri (Dato' Seri Marcus Liew) mengakui bahawa beliau adalah pengarah Syarikat (common director) untuk ketiga-tiga syarikat tersebut yang berdaftar di Malaysia, Amerika Syarikat dan Singapura.
>
> SD2: I was director in all these entities.
>
> P/D: Okay and what is your job as a director in all these entities?
>
> SD2: I was in charge in administration of these company.
>
> Malah, Defendan Kedua itu sendiri (Dato' Seri Marcus) turut mengakui bahawa Sukuk tersebut diterbitkan untuk tujuan meraih pelaburan untuk projek Defendan Pertama. Sukuk diterbitkan oleh ACMC kerana Defendan Pertama tidak memenuhi kriteria penerbitan sukuk di Malaysia.

[51] Peguam cara terpelajar plaintif menghujahkan bahawa:

(a) walaupun defendan pertama bukan privi kepada *subscription agreement*, defendan pertama adalah pihak yang memainkan peranan utama dalam pengendalian wang pelaburan plaintif dan dalam mengendalikan projek ternakan udang laut yang merupakan perniagaan utama untuk tujuan pelaburan plaintif;

(b) peranan defendan pertama dalam pelaburan plaintif ini diakui sendiri defendan kedua (Dato' Seri Marcus);

(c) semasa pemeriksaan balas defendan kedua (SD2), beliau turut mengakui bahawa defendan pertama adalah pihak sebenar yang menerima wang pelaburan dan/atau manfaat dari wang pelaburan plaintif sebanyak RM5 juta (rujuk ms 66 nota keterangan):

> P/P: Yes, but finally ultimately the fund will be used to finance project run by the first Defendant, correct?
>
> SD2:Yes in the Malaysia Company.
>
> P/P: Correct, so can you confirm the funds goes to the first Defendant?
>
> SD2:Yes correct.

[52] Walaupun peguam cara terpelajar plaintif menghujahkan mengenai perkara penerbitan sukuk menggunakan ACMC di Amerika Syarikat hanyalah

disebabkan defendan pertama tidak memenuhi kelayakan menerbitkan sukuk di Malaysia. Mahkamah ini mendapati isu kesahan penerbitan bukan menjadi inti pati dalam tuntutan sebenar oleh plaintif terhadap defendan-defendan.

[53] Mahkamah ini mendapati bahawa transaksi dan skim pelaburan melalui terbitan sukuk oleh ACMC ini adalah ditujukan kepada bakal pelabur yang berpotensi iaitu plaintif yang merupakan sebuah koperasi di Negeri Sembilan yang pada hakikatnya telah menyalurkan pelaburan kepada defendan pertama yang berada di Malaysia demi 'menjana pendapatan' melalui projek ternakan udang.

[54] Jumlah pelaburan yang besar pada kacamata mahkamah ini khususnya buat pelabur (plaintif) yang sekadar sebuah koperasi dan bukan seperti 1MDB tidak boleh dinafikan haknya (plaintif) untuk memperoleh semula wang pelaburannya yang mana telah digunakan oleh ACMC untuk manfaat defendan pertama.

Apakah yang dihujahkan oleh defendan-defendan?

[55] Mahkamah ini telah membaca dengan teliti hujahan peguam cara terpelajar defendan-defendan.

[56] Peguam cara terpelajar defendan-defendan menghujahkan bahawa 'He who asserts must prove: It is trite that the plaintiff has to prove whatever the plaintiff asserts as per s 101 of the Evidence Act 1950'.

[57] Peguam cara terpelajar defendan-defendan menghujahkan bahawa perkara asas yang berikut menjadi faktor bahawa mahkamh ini perlu menolak tuntutan plaintif:

(a) illegality; and

(b) no negligence, false representation, conspiracy to cheat and/or fraud on the part of the defendants at all material times.

[58] Berkenaan dengan isu *illegality*, peguam cara terpelajar defendan-defendan menghujahkan dengan panjang lebar mengenai points berkenaan dengan pelaburan plaintif dalam skim sukuk ini, iaitu:

Illegality of the Investment by the plaintiff:

(a) It is not disputed that the Plaintiff is a co-operative society formed and governed under the Co-Operative Societies Act 1993 [Act 502]. Being a co-operative society governed under Act 502, there are certain provisions and pre-requisite procedures that the Plaintiff has to adhere to in relation

to investments made by the Plaintiff. Section 54 of the Co-Operative Societies Act 1993.

(b) All the claims of the Plaintiff cannot sustain at all as this investment of RM5,000,000.00 made by the Plaintiff was not done in compliance with the mandatory statutory requirements as laid down in the Co-Operative Societies Act 1993, the Co-Operative Societies (Investment) Regulations 2010 and the Guideline.

(c) Premise on the provisions and case law cited above, the Defendants humbly submit that this Honourable Court ought to dismiss the Plaintiff's claim with costs as the Plaintiff's claim cannot sustain at all due to the fact that such investment made by the Plaintiff is illegal and in contravention of the Co-Operative Societies Act 1993.

(d) At all material time, the Plaintiff's representative has knowledge that such approval by the Commission is necessary and required prior to the Plaintiff making such investment. Yet the Plaintiff insisted to proceed with the investment even though the approval of the Commission was not obtained.

(e) Based on the testimonies of SP1 and SP3, the resolution has been passed by the Plaintiff's Board on 18-4-2018.

(f) Although SP3 during cross-examination insists that the resolution that has been passed is conditional, there are no documents tendered in court by the Plaintiff during trial to substantiate such testimony of SP3. Thus, it can only be inferred that the Plaintiff has decided to proceed with the investment on 18-4-2018, which was almost a month prior to receiving the letter dated 11-5-2018 from the First Defendant.

(g) Despite the fact that both SP1 and SP3 gave testimonies in relation to the fact that the Plaintiff's Board has passed a resolution on 18-4-2018 pertaining to this investment, a copy of this resolution was however not tendered in Court and was unable to be sighted. Reference is made to the Federal Court case of *Tan Keen Keong @ Tan Kean Keong v Tan Eng Hong Paper & Stationery Sdn Bhd & Ors and other appeals* [2020] MLJU 2204.

(h) Further, it is also a requirement under Rule 3(1)(e) of the Co-Operative Societies (Investment) Regulations 2010 that the investment is to be approved by the Board of co-operative society before a co-operative society invests its surplus funds.

(i) However, despite the fact that two of the Plaintiff's witnesses, SP1 and SP3 (who were both part of the Board of the Plaintiff during the material time) have testified during the trial that the Plaintiff's Board has passed a resolution on 18-4-2018 pertaining to this investment, however, no such resolution has been tendered in Court to substantiate the testimonies of the Plaintiff's witnesses.

(j) From SP3's testimony, it is clear and straightforward that the Plaintiff has neglected its own mandatory duty imposed on it by law and did not take the necessary steps neither did the Plaintiff conducted any due diligence to

determine that the investment shall provide returns or benefits to the co-operative society and its members.

(k) The Plaintiff's non-adherence to such statutory requirements despite having the knowledge that such approval of the Commission has to be obtained is blatant ignorance of the law and thus the law should not aid such ignorance of the Plaintiff which rendered their investment of RM5,000,000.00 illegal due to their own actions.

(l) It is also a requirement under Rule 3(1)(c) of the Co-Operative Societies (Investment) Regulations 2012 that before a co-operative society invests its surplus fund, a co-operative society shall determine the investment shall provide returns or benefits to the co-operative society and its members. In other words, the Plaintiff has to conduct its own due diligence and not blindly believing and trusting in any representations made by any party prior to making an investment using the surplus funds of the co-operative society.

[59] Dalam hujahan balas, peguam cara terpelajar plaintif menjawab mengenai isu 'illegality' yang dibangkitkan iaitu:

Yang Arif, Plaintif di sini berhujah bahawa Defendan-Defendan tidak boleh membangkitkan isu baru di peringkat hujahan sedangkan isu-isu di atas tidak pernah dibangkitkan di dalam pembelaan dan tidak pernah dijadikan isu untuk dibicarakan.

Jika isu-isu yang disebutkan adalah penting dan menjadi intipati utama pembelaan Defendan-Defendan, maka ia perlu dijadikan sebagai isu dan diplidkan secara spesifik, supaya tiada apa-apa 'element of surprise' ketika perbicaraan tindakan ini.

Isu berkaitan ketiadaan resolusi Lembaga Koperasi adalah tidak relevan untuk dibangkitkan kerana isu ini tidak pernah dibangkitkan sebagai isu di dalam pliding pihak-pihak. Defendan-Defendan sendiri tidak pernah memohon penzahiran dokumen tersebut.

Sejak dari tahun 2018 sehingga kini, Defendan Pertama telah menerima wang pelaburan RM5 juta tersebut daripada Plaintif untuk digunakan bagi projek ternakan udang laut. Ini diakui sendiri saksi Defendan (SD2) yang juga Defendan Kedua di dalam tindakan ini.

Tiada apa-apa isu pun dibangkitkan oleh Defendan-Defendan sejak dari tahun 2018 sehingga kini (lebih 5 tahun), untuk mempertikaikan keesahan pelaburan Plaintif dan perjanjian langganan. Malah, Defendan-Defendan tidak pernah pun meminta resolusi Plaintif ketika memohon wang pelaburan.

Isu ketidaksahan yang dibangkitkan Defendan-Defendan pada saat akhir ini setelah menikmati wang pelaburan Plaintif adalah jelas tidak bona fide dan perlu ditolak oleh Mahkamah.

Isu ini adalah satu taktik untuk mengelak liabiliti memulangkan wang pokok pelaburan Plaintif yang telah dinikmati oleh Defendan Pertama sejak tahun 2018.

Mahkamah Rayuan dalam kes *United Trade Arena (M) Sdn Bhd v. Bank Pertanian*

Malaysia Berhad [2016] 2 MLJ 65; [2016] 1 CLJ 979 telah memutuskan:

> [26] The learned judge found that the averments made by the appellants that the asset sale agreement was executed prior to the asset purchase agreement were mere allegations and unsubstantiated, made as an attempt to evade the appellant's contractual obligations. *We agreed with the findings of the learned judge that the appellants who were fully availed by the respondent cannot now, after seven years dispute the validity of the agreements* by suggesting they were executed in a different order. Be that as it may, both the documents were dated the same date and most probably were executed at about the same time. *Both parties were aware of what they were contracting for.*

Di dalam kes sekarang, apa-apa ketidakpatuhan kepada seksyen 54 Akta Koperasi 1993 tidak akan menjadikan pelaburan Plaintif atau perjanjian yang dimeterai sebagai tidak sah. Ini kerana seksyen 54(3) Akta Koperasi 1993 hanya memperuntukkan penalti jenayah (*criminal penalty*) ke atas koperasi (jika disabitkan) dan bukannya memperuntukkan perjanjian sebagai tidak sah atau terbatal.

Mahkamah Agung di dalam kes *Beca (M) Sdn Bhd v Tang Choong Kuang & Anor* [1986] 1 CLJ 20; [1986] CLJ Rep 64 di mana diputuskan:

> ... *Not every breach of a statutory prohibition would render an agreement illegal or void though such breach may attract criminal penalty. The fundamental question is whether the Enactment means to prohibit the agreement. It is important that the courts should be slow to imply the statutory prohibition of agreements, and should do so only when the implication is clear.* Whether an agreement is implicity forbidden depends upon the construction of the statute, and for this purpose no one tests is decisive. Persons who deliberately set out to break the law cannot expect to be aided in a court of justice. It would be a different matter when the law is unwittingly broken. *An agreement for the sale of, say, frozen food, is not to be considered illegal or void merely because the premises in which the frozen food is sold does not comply with the law. We recognize that each case must be decided by reference to the relevant statute.*

[60] Mahkamah ini menolak pembelaan, dalihan dan hujahan defendan-defendan untuk melepaskan diri mereka daripada bertanggungjawab ke atas tuntutan plaintif mengenai pemulangan wang pelaburan sebanyak RM5 juta dan tunggakan dividen atas alasan plaintif sebagai sebuah koperasi telah melakukan 'kesalahan' di bawah undang-undang koperasi kerana membuat pelaburan sebagaimana yang berlaku dalam kes ini.

[61] Tiada apa-apa bukti dikemukakan oleh defendan-defendan bahawa ahli-ahli koperasi plaintif mengambil tindakan undang-undang terhadap plaintif berkenaan dengan pelaburan dalam skim sukuk ini. Dua orang saksi plaintif yang berjawatan pengurus besar (SP3) dan bendahari (SP1) telah memberikan keterangan berkenaan dengan kelulusan bagi pelaburan tersebut.

Tindakan undang-undang ini diambil untuk mendapatkan semula wang pelaburan dan tunggakan dividen yang perlu untuk manfaat ahli-ahli koperasi plaintif.

[62] Berkenaan dengan isu 'no negligence, false representation, conspiracy to cheat and/or fraud on the part of the defendants at all material times', peguam cara terpelajar defendan-defendan menghujahkan bahawa:

> The Plaintiff has willingly come to the decision to make the investment of RM5,000,000.00 and thus the Plaintiff should be estopped from claiming any negligence, false representation, conspiracy to cheat and/or fraud on the part of the Defendants.
>
> Further, the Plaintiff had all opportunity to read and review the Subscription Agreement (Refer to Bundle B1, Page 15–28) prior to executing the same.
>
> The Plaintiff should have exercised their due diligence and read through the contents of the Subscription Agreement prior to executing the same. The Plaintiff would have known that the parties to the Subscription Agreement were ACMC and ACAPL and not the First Defendant. The First Defendant is merely the entity who runs the shrimp farm.
>
> The Plaintiff's representative has admitted that no due diligence was conducted personally by the Plaintiff prior to coming to a decision of making the investment of RM5,000,000.00.
>
> Furthermore, despite the fact that the Plaintiff tried to rely on the letter dated 11.05.2018 (Refer to Bundle B1, Page 59) issued by the First Defendant to the Plaintiff and signed off by the Second Defendant on behalf of the First Defendant, it is the Defendants' stand that there was no reliance on the said letter of undertaking by the Plaintiff when coming to a decision to make this investment of RM5,000,000.00.

[63] Mahkamah memutuskan bahawa ketiadaan salahnyataan mengenai pelaburan yang dicadangkan oleh defendan-defendan kepada plaintif tidak boleh sama sekali menafikan hak plaintif bagi relief yang dituntutnya.

[64] Pegawai defendan-defendan yang membuat representasi ialah SP2 yang sudi dan bersedia menjadi saksi kepada plaintif. Penglibatan SP2 untuk meyakinkan plaintif melabur sebanyak RM5 juta telah pun menjadi kenyataan. Ketiadaan dua orang pegawai lain defendan-defendan iaitu Jeff Medina dan Irene Ng tidak menjejaskan keterangan yang dapat menyokong tuntutan plaintif.

[65] Siri perbincangan/mesyuarat, lawatan ke tapak projek dan lain-lain dokumen yang berkaitan dengan cadangan pelaburan adalah dibuat oleh defendan-defendan kepada plaintif. Defendan-defendan berjaya menarik pelaburan melalui representasi pegawai-pegawai defendan-defendan, maka

untuk menafikan hak plaintif dalam memperoleh apa jua jaminan yang termeterai dalam perjanjian adalah menjadi beban pembuktian kepada defendan-defendan.

[66] Defendan-defendan menyatakan bahawa fakta yang berikut:

(a) bahawa defendan pertama bukanlah pihak sebenar yang menerima wang pelaburan plaintif; dan

(b) defendan-defendan mendakwa bayaran dibuat secara terus ke ACMC di Amerika Syarikat dan tidak berkaitan dengan defendan-defendan.

[67] Mahkamah ini memutuskan bahawa dakwaan dan/atau penafian defendan-defendan adalah tidak benar dan adalah jelas bercanggah dengan beberapa keterangan kontemporari ('contemporaneous documents') yang menunjukkan bayaran wang pelaburan dibuat di Malaysia dan diterima defendan pertama. Dokumen yang berikut telah dikemukakan semasa perbicaraan:

Perihal dokumen	
(a) Baucar Bayaran plaintif bertarikh 7 Mei 2018 untuk jumlah RM5 juta adalah kepada defendan pertama melalui My Premier ACMC Trust Account.	ms 13 Ikatan B1
(b) Cek Bank Islam Malaysia Bhd milik plaintif sebanyak RM5 juta yang didepositkan pada 14/5/2018 ke Maybank di Kuala Lumpur melalui MyPremier ACMC Trust Account.	ms 14 Ikatan B1
(c) Resit Rasmi (Official Receipt) bertarikh 18 Jun 2019 defendan pertama yang menggunakan 'letterhead' dengan alamat defendan pertama di PTP 7.1556, Sungai Miang, Mukim Pekan, Daerah Pekan, Negeri Pahang Darul Makmur.	ms 58 Ikatan B1

[68] Keterangan oleh defendan kedua kononnya resit rasmi penerimaan bayaran adalah daripada ACMC di Amerika Syarikat dan bukannya oleh defendan pertama. Ini kerana ACMC dan defendan pertama menggunakan logo dan 'letterhead' berbeza adalah keterangan yang gagal menangkis keterangan dokumentar yang dikemukakan oleh plaintif.

[69] Isu mengenai logo pada *letterhead* sama ada milik defendan pertama atau milik ACMC adalah persoalan yang sama sekali bukan penyebab untuk Mahkamah ini menolak tuntutan plaintif.

[70] Defendan kedua (SD2) telah menjelaskan bahawa logo adalah sama tetapi perbezaan hanya pada *letterhead*. Alamat yang tertera ialah alamat di Malaysia (PTP71556 Sungai Miang Mukim Pekan, Daerah Pekan, Pahang).

[71] SD1 iaitu satu-satunya saksi yang dipanggil untuk menyokong keterangan defendan-defendan adalah dengan jelas diperalatkan untuk menjadi orang tempatan dalam syarikat defendan pertama. Keterangan SD1 adalah nyata bahawa penubuhan defendan pertama di Malaysia memerlukan sekurang-kurangnya seorang warganegara Malaysua dalam barisan Lembaga Pengarahnya. SD1 dilantik sebagai pengarah defendan pertama walaupun SD1 tidak pernah terlibat dalam perniagaan mahupun terlibat dalam apa-apa urusan dalam defendan pertama.

[72] Berdasarkan fakta-fakta yang dibentangkan di hadapan mahkamah ini, mahkamah memutuskan atas imbangan kebarangkalian bahawa:

(a) terdapat hubungan antara plaintif dan defendan pertama yang menjalin kepada tugas berhati-hati (*duty of care*) terhadap plaintif dalam mengendalikan wang pelaburan plaintif, menjalankan projek ternakan udang melalui wang pelaburan plaintif;

(b) terdapat jaminan mengenai pembayaran semula wang pelaburan dan dividen kepada plaintif;

(c) surat jaminan bertarikh 11 Mei 2018 yang dikeluarkan oleh defendan pertama dan ditandatangani defendan kedua di ms 59 Ikatan B1: surat jaminan ini secara jelas menunjukkan defendan pertama memberikan jaminan dan komitmen kepada plaintif bahawa wang pelaburan pokok sebanyak RM5 juta akan dibayar dan dikembalikan selepas cukup tempoh matang tiga tahun;

(d) tempoh tiga tahun pelaburan Sukuk tersebut bermula dari 15 Mei 2018 sehingga 15 Mei 2021 adalah tempoh di mana plaintif dijanjikan dan diberikan representasi akan mendapat pulangan dividen sebanyak RM62,500 sebulan seperti Jadual yang dilampirkan di ms 60 Ikatan B1;

(e) SD2 (defendan kedua) pada soalan No 6 penyata saksi telah mengesahkan bahawa semua komunikasi yang dikeluarkan oleh defendan pertama adalah berdasarkan arahan (*instruction*) daripada ACMC di Amerika Syarikat dan SD2 mengakui bahawa beliau adalah CEO di ACMC di Amerika dan segala keputusan dan tindakan defendan pertama adalah berdasarkan arahan ACMC di Amerika; dan

(f) surat defendan pertama sendiri bertarikh 23 Mac 2021 kepada plaintif memaklumkan akan membayar pampasan kelewatan pembayaran dividen. Ini diakui oleh SD2.

[73] Selanjutnya, fakta bahawa:

(a) SD2 mengesahkan melantik Tetuan Ramakrishnan & Associates mewakili defendan pertama untuk berurusan dengan plaintif bagi membayar balik wang pelaburan plaintif;

(b) Tetuan Ramakrishnan & Associates bagaimanapun tidak dipanggil oleh defendan-defendan sebagai saksi. Namun, apa yang jelas bahawa terdapat perjanjian penyelesaian (ms 9–14 Ikatan B2) iaitu eksh P6 telah disediakan oleh peguam cara tersebut di antara plaintif dan defendan pertama di mana defendan pertama bersetuju membayar balik wang pokok pelaburan sebanyak RM5 juta kepada plaintif;

(c) perjanjian penyelesaian (ms 9–14 Ikatan B2) telah diterima sebagai keterangan di eksh P6 dan tidak dibantah peguam defendan-defendan;

(d) walaupun pihak-pihak tidak dapat bersetuju mengenai tempoh bayaran, apa yang pasti adalah defendan pertama telah mengakui liabiliti untuk membayar balik wang pelaburan RM5 juta kepada plaintif. Jumlah bayaran balik wang sebanyak RM5 juta ini adalah dipersetujui dan tidak dipertikaikan defendan pertama;

(e) berdasarkan kelakuan dan tindakan defendan pertama ini, adalah jelas bahawa defendan pertama telah menerima arahan ACMC untuk menanggung liabiliti membayar wang pelaburan RM5 juta kepada plaintif;

(f) penyelesaian berkenaan dengan persetujuan ini adalah mengikat defendan pertama.

(g) nas undang-undang kes yang dirujuk oleh peguam cara terpelajar plaintif dalam kes *Genneva Malaysia Sdn Bhd v Tio Jit Hong & Ors* [2020] 6 MLJ 703; [2020] 4 CLJ 449, Mahkamah Rayuan memutuskan:

> [50] It is trite law that apart from writings, conduct of parties may amount to acceptance.
>
> ...
>
> [54] In our view, the fact that the defendant having accepted the offers which followed by payments into the defendant's bank account and some by partly giving gold at an agreed value and used them for defendant's benefit, the defendant's conduct is consistent with having accepted the offers made by the plaintiffs. By the defendant's own conduct, the defendant is therefore estopped from denying that there is a valid and binding contract between defendant and the plaintiffs.

[74] Peguam cara terpelajar plaintif menghujahkan:

> Daripada pengakuan dan kelakuan defendan Pertama, adalah amat jelas bahawa mereka tiada pembelaan bermerit kerana wang pelaburan telah dinikmati oleh defendan Pertama untuk projek ternakan udang.
>
> Wang tersebut perlu dipulangkan kepada plaintif selepas tempoh 3 tahun tamat pada 15-5-2021.

Kini, selepas hampir 2 tahun lebih, wang pelaburan RM5 juta tersebut masih belum dibayar dan ia memprejudiskan plaintif.

Selain itu, berdasarkan Surat Jaminan bertarikh 11-5-2018, defendan Pertama perlu melunaskan komitmen dan jaminan yang diberikan oleh defendan Pertama untuk membayar sebanyak RM5 juta kepada plaintif kerana defendan Pertama yang memberi jaminan bahawa pelaburan tersebut selamat dan terjamin.

Segala surat-menyurat dan urusan pelaburan adalah di antara plaintif dan defendan Pertama. Ini dapat dilihat pada (a) Penyata Pulangan Pelaburan bertarikh 15/7/2018: Mukasurat 30 Ikatan B1; (b) Surat notifikasi defendan Pertama kepada plaintif berkenaan pelantikan peguamcara Tetuan Ramakrishnan & Associates: Mukasurat 31 Ikatan B1; dan (c) Surat pemakluman bayaran zakat ke Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan oleh defendan Pertama bagi pihak plaintif: Mukasurat 56-57 Ikatan B1.

Daripada dokumen dan surat-menyurat, adalah dihujahkan bahawa defendan Pertama sewajarnya diletakkan tugas berhati-hati untuk melindungi kepentingan plaintif kerana semua urusan pelaburan plaintif pada hakikatnya adalah diuruskan dan dijalankan oleh defendan Pertama.

Berkenaan dengan isu kecuaian ini, Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Tenaga Nasional Malaysia v Batu Kemas Industri Sdn Bhd And Another Appeal* [2018] 5 MLJ 561; [2018] 6 CLJ 683 telah memutuskan pemakaian prinsip *Caparo* seperti berikut:

> Our Decision
>
> [33] The first matter that must be established to proceed with a claim based on the tort of negligence is that the defendant owed a duty of care to the plaintiff. 'The tort of negligence requires first of all that there be a duty of care on the part of the (defendant) not to do any act or omit to do any act the doing of which or the omission of which could foreseeably affect other persons resulting in damage or loss to such other persons' (*Siew Yaw Jen v Majlis Perbandaran Kajang & Another Appeal* [2015] 4 MLJ 411; [2015] 5 CLJ 189 per Zaharah Ibrahim JCA, as she then was, delivering the judgment of the court). 'Tortious liability arises from a wrongful act where the common law imposes a duty to take reasonable care' (*Lok Kok Beng & 49 Ors v Loh Chiak Eong & Anor* per Zainun Ali FCJ delivering the judgment of the court). Once a duty existed, the plaintiff must show that the defendant breached it.
>
> Di dalam kes sekarang, adalah adil dan wajar untuk mahkamah meletakkan tugas berhati-hati ke atas defendan pertama kerana defendan pertama adalah pihak yang tahu semua aspek pelaburan, menjalankan projek ternakan udang dan menguruskan semua aspek dokumentasi pelaburan plaintif.
>
> Akibat kecuaian defendan pertama melindungi kepentingan pelaburan plaintif, plaintif telah menanggung kerugian di mana sehingga kini, wang pelaburan RM5 juta masih belum dibayar sedangkan wang pelaburan ini adalah daripada hasil kutipan ahli-ahli koperasi plaintif yang terdiri dari kalangan pesara-pesara askar.

A PENUTUP

[75] Berdasarkan alasan yang dinyatakan dalam penghakiman ini, plaintif berjaya membuktikan tuntutannya terhadap defendan-defendan dan dengan itu mahkamah ini memutuskan untuk membenarkan tuntutan plaintif.

B Selanjutnya adalah diperintahkan defendan-defendan secara bersesama membayar plaintif:

(a) wang pelaburan berjumlah RM5 juta;

C (b) baki dividen sebanyak RM312,500;

(c) *delay in the projected returns/dividend payment 4%pa payable on a pro-rate basis* dari November 2021 hingga tarikh penyelesaian penuh; dan

(d) kos sebanyak RM10,000.

D *Tuntutan plaintif dibenarkan.*

Dilaporkan oleh Ahmad Ismail

E

F

G

H

I